

Fatu karang di Teluk Sepanggar kelunturan: Saintis UMS

KOTA KINABALU: Teluk Sepanggar dekat sini kini didapati berdepan dengan masalah kelunturan batu karang yang meluas, dipercayai akibat gangguan ekosistem.

Pengarah Institut Penyelidikan Marin Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Dr Saleem Mustafa berkata penemuan dilakukan sekumpulan saintis marin universiti tersebut yang melakukan pemantauan rutin di perairan berkenaan.

Ianya dipercayai berlaku dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini berasaskan pemantauan oleh saintis marin UMS yang sentiasa melakukan selaman di kawasan terbabit, katanya kepada Bernama, di sini hari ini.

"Mereka berpandangan dalam konteks Sabah, batu karang hidup dalam suasana suhu air yang hampir maksimum untuk hidupan itu bertahan," katanya.

Mengulas mengenai kejadian kelunturan, Saleem berkata keadaan itu berlaku apabila batu karang tidak dapat bersimbiosis dengan zooxantela iaitu sejenis alga mikro akibat perubahan persekitaran.

"Kelunturan akibat tekanan bukan saja menjejaskan karang keras tetapi juga yang lembut seperti 'sea anemone dan lain-lain hidupan marin tanpa tulang belakang yang bersimbiosis dengan zooxantela," katanya.

Saleem berkata antara penyebab segera kepada keadaan itu ialah perubahan suhu air dan pemendapan.

Katanya musim kemarau dan cuaca panas yang dialami Sabah antara Januari hingga Mac lepas telah melemahkan daya tahan batu karang terhadap tekanan yang disebabkan perubahan persekitarannya.

Beliau berkata sepanjang tempoh itu suhu dan radiasi solar lebih tinggi daripada kebiasaan menyebabkan suhu permukaan laut mencatatkan keadaan anomali yang kemudian diburukkan lagi apabila suhu menurun dan menyebabkan hujan lebat

yang membawa bersama sisa hakisan ke laut.

"Endapan akibat kegiatan di darat yang dibawa kelaut semasa hujan lebat memburukkan lagi kekeruhan air dan melitupi karang.

Di bawah keadaan ini, karang yang sudah dilemahkan oleh suhu air yang tinggi tidak mampu menghadapi tekanan yang diakibatkan keadaan itu," katanya.

Beliau juga tidak menolak perubahan iklim global sebagai antara penyumbang kepada kelunturan batu karang.

Katanya kedudukan Sabah di atas garisan khatulistiwa menjadikan negeri itu dan rantau ini sebagai tempat yang aktif untuk aktiviti hidrodinamik yang berlaku akibat perubahan atmosfera dan kitaran lautan.

"Jika keadaan ini adalah penyebab kepada suhu air yang panas dan perubahan kandungan komposisi kimia di dalam air laut, tekanan akan berkurangan apabila corak itu berubah," katanya.

Beliau berkata saintis marin UMS juga berpandangan perubahan iklim global akan memburukkan lagi masalah yang dihadapi ekosistem laut.

"Bagi peringkat tempatan, kita patut mengurangkan tekanan di kawasan pantai ekosistem marin serta mempercepatkan pembangunan kawasan marin yang dilindungi.

"Bagi peringkat global, pengurangan secara drastik pelepasan karbon adalah kunci utama dalam perjuangan kita menentang kesan perubahan iklim global," katanya.

Saleem berkata kerugian daripada aspek ekonomi akibat kehilangan habitat marin adalah besar, justeru ianya layak dipertimbangkan kerajaan untuk menggubal polisi pemuliharaan ekosistem marin yang berdaya maju daripada segi ekonomi serta diterima masyarakat. - Bernama